



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

4 JUN 2025 (RABU)

Bekalan Ternakan untuk Korban Cukup

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	11	4 Jun

Bekalan ternakan untuk korban cukup

- **Jumlah lembu, kerbau untuk ibadah korban 38,804 ekor**
- **27 rumah sembelih milik DVS sedia beroperasi**

dalam satu kenyataan berka-
ta, mengikut statistik Jabatan
Perkhidmatan Veterinar (DVS),
stok bekalan lembu dan kerbau
tempatan sehingga Mac lalu ialah
35,581 ekor.

Katanya, bekalan lembu dan
kerbau yang diimport sehingga
Mac lalu pula ialah sebanyak
3,223 ekor.

"Jumlah keseluruhan bekalan
untuk lembu dan kerbau bagi tu-
juan korban adalah 38,804 ekor.

"Bagi kambing dan bebiri pula,
stok bekalan tempatan sehingga
Mac adalah 26,845 ekor, manaka-
la bekalan kambing dan bebiri
yang diimport sehingga Mac lalu
ialah sebanyak 3,322 ekor," kata-
nya.

“

Mengambil kira
keperluan masjid,
surau dan rumah
sembelih, anggaran
permintaan lembu
serta kerbau untuk
korban dijangka
sebanyak 34,451 ekor,
manakala permintaan
bagi kambing dan
bebiri sebanyak
22,453 ekor.”

Jumlah keseluruhan bekalan
untuk kambing dan bebiri bagi
tujuan korban ialah 30,167 ekor.

"Mengambil kira keperluan
masjid, surau dan rumah sem-
belih, anggaran permintaan
lembu serta kerbau untuk kor-
ban dijangka sebanyak 34,451
ekor, manakala permintaan bagi
kambing dan bebiri sebanyak
22,453 ekor.

"Justeru, jumlah keseluruhan
bekalan ternakan dianggarkan
mencukupi bagi menampung
permintaan sembelihan bagi
tujuan korban tahun 2025," ka-
tanya.

Selain itu, sebanyak 27 buah
rumah sembelih milik DVS di se-
luruh Semenanjung sedia untuk

beroperasi bagi tujuan penyem-
belihan haiwan korban.

"Di samping itu, DVS juga tel-
ah mengeluarkan lesen kepada
40 buah rumah sembelih swasta
di seluruh Semenanjung yang
boleh memberi perkhidmatan
penyembelihan bagi tujuan kor-
ban.

"Selain itu, bagi tujuan pe-
nyembelihan korban yang ingin
dijalankan di luar rumah sem-
belih seperti di masjid, sekolah,
taman perumahan, tempat
awam dan lain-lain, permoho-
nan permit penyembelihan luar
yang disertakan dengan doku-
men berkaitan diperlukan bagi
mendapatkan kebenaran," ka-
tanya.

Oleh **RIDZAUDDIN ROSLAN**

PUTRAJAYA – Bekalan ternakan
untuk sambutan Hari Raya Ai-
diladha yang disambut pada Sab-
tu ini dijangka mencukupi dan
dapat memenuhi permintaan di
seluruh negara.
Kementerian Pertanian dan
Keterjaminan Makanan (KPKM)

Tempahan Kibas Meningkat Menjelang Hari Raya Aidiladha

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	11	4 Jun

Tempahan kibas meningkat menjelang Hari Raya Aidiladha

KOTA BHARU – Seorang pen-ternak kibas di Tunjong di sini sudah menjual sebanyak 50 ekor kibas untuk dijadikan haiwan sembelihan semasa korban pada Hari Raya Aidiladha pada tahun ini.

Mahasan Yasa, 57, yang bekerja sebagai peniaga ketika ini sedang mempersiapkan haiwan tersebut sebelum ia diambil oleh pembeli menjelang beberapa hari sebelum hari raya.

Menurutnya, setakat ini sebanyak 50 ekor kibas sudah dibeli oleh pelanggan yang ingin menjalani ibadah korban selain menyembelih lembu, kambing atau biri-biri.

"Harga seekor kibas dijual pada harga RM1,000 hingga RM2,000 bergantung kepada berat dan saiz. Berat seekor kibas kebiasaannya dianggarkan 60 kilogram.

"Sebenarnya, permintaan terhadap kibas untuk dijadikan haiwan korban sangat tinggi di Kelantan, namun tidak ramai yang menternak haiwan itu di

sini," katanya ketika ditemui di Kampung Tunjong di sini kelmarin.

Mahasan memberitahu, dia pada mulanya membeli sembilan ekor kibas baka damara daripada salah seorang rakan yang mengimport kibas dari negara Asia Barat enam tahun lalu.

Katanya, daripada sembilan ekor itu, dia biakkan haiwan tersebut dan memperoleh sehingga 50 ekor dalam tempoh lebih setahun.

"Penjagaan dan ternakan kibas sebenarnya tidak cerewet kerana ia hanya makan palet dan pelbagai jenis rumput.

"Setengah orang suka makan daging kibas kerana rasanya sama seperti daging rusa, ia mempunyai rasa sedikit manis," ujarnya.

Mahasan berkata, selain menjual kibas, dia turut juga memberi sumbangan haiwan tersebut kepada pondok atau pusat tahfiz untuk dijadikan hidangan jamuan untuk anak-anak yatim.



MAHASAN menunjukkan kibas ternakannya di dalam kandang di Tunjong, Kota Bharu kelmarin. – ROHANA MOHD. NAWI

Bekalan Ternakan Sempena Aidiladha Mencukupi – KPKM

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	3 Jun



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memberi jaminan bekalan ternakan bagi sempena sambutan Aidiladha tahun ini adalah mencukupi dan mampu menampung keperluan di seluruh negara.

KPKM memaklumkan, berdasarkan data Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sehingga Mac lalu, jumlah keseluruhan lembu dan kerbau yang tersedia adalah sebanyak 38,804 ekor, merangkumi 35,581 ternakan tempatan dan 3,223 yang diimport.

Katanya, bagi kambing dan bebiri pula, sebanyak 30,167 ekor tersedia untuk ibadah korban, dengan 26,845 daripada penternak tempatan, manakala 3,322 lagi diimport dari luar negara.

"Anggaran permintaan bagi lembu dan kerbau sempena Aidiladha tahun ini adalah sebanyak 34,451 ekor, manakala kambing dan bebiri dianggarkan sebanyak 22,453 ekor.

"Ini menunjukkan bekalan semasa melebihi keperluan yang dijangka," katanya

dalam kenyataan, hari ini.

Bagi memastikan kelancaran proses penyembelihan, 27 rumah sembelih milik DVS di seluruh Semenanjung Malaysia sedia beroperasi sempena sambutan Aidiladha.

Pada masa sama, 40 rumah sembelih swasta diberikan lesen sah bagi melaksanakan penyembelihan korban mengikut tatacara yang ditetapkan.

KPKM turut mengingatkan orang ramai yang ingin melaksanakan ibadah korban di luar rumah sembelih termasuk di masjid, surau, sekolah, taman perumahan dan kawasan awam supaya mengemukakan permohonan permit penyembelihan luar, disertakan dokumen berkaitan kepada DVS bagi mendapatkan kebenaran rasmi.

"Permohonan ini penting bagi memastikan aspek kebajikan haiwan, kebersihan, keselamatan dan kesihatan awam sentiasa dipelihara," katanya.

Justeru, orang ramai dinasihatkan merujuk kepada Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban yang disediakan DVS sebagai rujukan utama dalam melaksanakan ibadah korban dengan teratur dan

mematuhi peraturan.

"Dengan persediaan yang rapi ini, kerajaan yakin umat Islam di negara ini dapat melaksanakan ibadah korban dengan lancar, selamat dan mengikut garis panduan yang ditetapkan," katanya.-
[MYMETRO](#)

[VIDEO] Ubah Suai Lori Seludup Lembu Korban

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	3 Jun



Tangkap layar daripada Sinar Harian

IPOH - Taktik licik sindiket menyeludup lembu menggunakan lori bonded terbongkar apabila kenderaan itu dikesan mengalami pengubahsuaian luar biasa sebelum ditahan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak dalam Op Mega Korban pada Selasa.

Dalam operasi sekitar jam 10 pagi itu, sepasukan anggota penguat kuasa bertindak mengekori lori terbabit sejauh 40 kilometer dari Hentian Titiwangsa sebelum menahannya berhampiran Tugu Peringatan Pembinaan

Jalan Raya Timur Barat (JRTB) di Gerik.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Saifullizam Abd Kadir berkata, pemeriksaan terhadap lori menemui 12 ekor lembu kebanyakan lembu jantan, dipercayai untuk tujuan ibadah korban yang dibawa tanpa sebarang dokumen pemindahan sah.

"Modus operandi sindiket ini cukup halus. Mereka menggunakan bonded truck yang biasanya digunakan untuk penghantaran barang

sejuk beku, tetapi lori ini telah diubah suai, ada lubang udara, tiada sistem kawalan suhu seperti biasa.

"Perkara itu menimbulkan kecurigaan dan hasilnya, kita berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk ternakan ini," katanya ketika ditemui pemberita di sini pada Selasa.

"Kita tengok permukaan atas lori pun kering. Kemungkinan besar ternakan ini telah dipuasakan sebelum dipindahkan. Ini taktik biasa dilakukan sindiket untuk elakkan najis atau bau, tetapi ia menyebabkan tekanan kepada haiwan tersebut.

"Kita akan lakukan pemeriksaan lebih lanjut



Menurut Saifullizam, siasatan awal tidak menolak kemungkinan kesemua lembu tersebut dibawa masuk secara haram dari Kelantan untuk diedarkan di sekitar negeri ini.

Tambahnya, keadaan fizikal lembu juga mengundang kebimbangan apabila ternakan itu didapati dalam keadaan lemah dan kurus, dipercayai akibat perjalanan jauh tanpa makanan dan air yang mencukupi.

terhadap haiwan-haiwan ini termasuk mengambil sampel untuk dihantar ke makmal," katanya.

Beliau berkata, pemandu lori, lelaki berusia lingkungan 50 tahun telah ditahan, manakala lembu serta kenderaan terlibat dengan nilai lebih RM120,000 dirampas bagi siasatan lanjut di bawah Seksyen 361 Akta Binatang 1953.

"Kita komited melakukan

penguatkuasaan bagi
mengelak sebarang
penularan penyakit
berjangkit yang disebabkan
kemasukan haram ternakan
ke negeri ini," katanya.

Dalam pada itu, Saifullizam
berkata, sejak Januari hingga
awal Jun tahun ini, Jabatan
Perkhidmatan Veterinar
Perak telah merekodkan 27
kes penyeludupan atau
pemindahan ternakan tanpa
permit sah dengan nilai
rampasan melebihi
RM460,000.-[SINARHARIAN](#)

Taktik Seludup Lembu Korban Guna Lori 'Bonded' Gagal

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	3 Jun



DR Saifullizam (kanan) meninjau lembu yang dirampas susulan penahanan lori bonded di Jalan Raya Timur Barat dekat Gerik. FOTO Muhammad Zulsyamini Sufian Suri.

Ipoh: Cubaan menyeludup lembu untuk korban dari Kelantan ke negeri ini menggunakan lori bertutup (bonded truck) yang diubah suai, gagal selepas dikesan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), hari ini.

Pengarah Veterinar Perak, Dr Saifullizam Abd Kadir berkata, lori membawa 12 lembu hidup tanpa kebenaran itu dikesan ketika Ops Korban Mega sempena Aidiladha berhampiran kawasan Tugu Peringatan Jalan Raya Timur Barat

(JRTB) Gerik-Jeli di Gerik, kira-kira 10 pagi.

Menurutnya, sebelum itu, pihaknya mengesan lori berkenaan yang mencurigakan berhampiran Hentian Titiwangsa JRTB dan mengekorinya sejauh 40 kilometer.

"Ketika pemeriksaan, pemandu iaitu lelaki usia 50-an gagal mengemukakan dokumen pemindahan ternakan dan disyaki lembu dibawa dari Kelantan secara haram.-[MYMETRO](#)

Seludup Lembu dengan Lori Bertutup yang diubah Suai

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Buletin TV3	Nasional	Online	3 Jun



Dr Saifullizam (kanan) meninjau lembu yang dirampas susulan penahanan lori yang diubah suai di Jalan Raya Timur Barat dekat Gerik. FOTO NSTP

IPOH: Cubaan menyeludup 12 lembu tanpa kebenaran untuk korban dari Kelantan ke negeri ini menggunakan lori bertutup (bonded truck) yang diubah suai, gagal selepas taktik itu dikesan penguat kuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), hari ini.

Pengarah Veterinar Perak, Dr Saifullizam Abd Kadir, berkata lembu dianggap bernilai RM24,000 itu dipercayai untuk dihantar di sekitar bandar raya dan dirampas kira-kira jam 10 pagi menerusi Ops Korban

Mega sempena sambutan Aidiladha.

Katanya, rampasan dengan nilai keseluruhan RM120,000 termasuk kenderaan itu dilakukan berhampiran kawasan Tugu Peringatan Jalan Raya Timur Barat (JRTB) Gerik-Jeli di Gerik.

Beliau berkata, lori dipandu dalam keadaan mencurigakan itu mula dikesan berhampiran Hentian Titiwangsa, JRTB di Gerik dan diekori sejauh 40 kilometer.

Dr Saifullizam berkata, lelaki berusia 50-an yang memandu lori berkenaan gagal mengemukakan dokumen pemindahan ternakan, sekali gus lembu terbabit disyaki dibawa secara haram.

“Dari luaran, lori berkenaan kelihatan seperti ‘bonded truck’ yang sering digunakan untuk membawa barangan sejuk seperti sayur namun ada beberapa pengubahsuaian seperti pemasangan kipas pada dinding lori bagi pengaliran udara.

“Langkah ini dipercayai bagi menyukarkan pengesanan kerana biasanya ‘bonded truck’ tidak membenarkan udara dari luar masuk dan dilengkapi perkakasan pengawalan suhu,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang jika sabit kesalahan memperuntukkan denda maksimum RM15,000.

Katanya, lembu berkenaan ditemukan dalam keadaan keletihan kerana menempuh perjalanan panjang.

“Ternakan ini mungkin dipuaskan sehari atau lebih sebelum perjalanan bagi mengelak sebarang masalah sepanjang perjalanan, atau

tidak diberi makan dan minum yang secukupnya,” katanya.

Dr Saifullizan berkata, pemeriksaan akan dibuat bagi mengenal pasti tahap kesihatan lembu terbabit sama ada bebas penyakit atau sebaliknya.

Beliau berkata, bermula Januari lalu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak merekodkan 27 kes penyeludupan atau pemindahan ternakan tanpa permit sah dengan nilai rampasan melebihi RM460,000.-[BULETINTV3](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR